

40 pelajar SMK Mutiara lawat UMS-KAL

UB 06-04-2012 B4

LABUAN: Seramai 40 pelajar Tingkatan Dua hingga Lima SMK Mutiara telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), pagi kelmarin.

Ketua rombongan SMK Mutiara, Ustaz Zainal Abdul Wahab berkata lawatan pembelajaran luar bilik darjah itu bertujuan untuk memberi pendedahan

kepada pelajar suasana pembelajaran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Beliau yang juga Ketua Panitia Bahasa Arab berkata lawatan sehari itu juga bertujuan untuk mencari peluang kepada pelajar kelas aliran agama SMK Mutiara itu ke IPTA di negara ini amnya dan UMS-KAL khususnya.

Dengan adanya lawatan ke UMS-KAL


ini, kami berharap ianya akan menaikkan semangat kepada pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading," katanya.

Rombongan SMK Mutiara turut disertai tiga guru Bahasa Arab iaitu Jailani Muda, Rohani Ali dan Siti Zamriah Mohd Husin.

Ketibaan rombongan SMK Mutiara disambut oleh Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad

Tuah manakala taklimat mengenai UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran, Noraini Samsu.

Pelajar berkenaan turut melawat lokasi melihat anak bulan di Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), perpustakaan dan dewan kuliah.



ZAMRI (empat dari kiri di hadapan) dan Zainal (tiga kiri) bergambar kenangan bersama guru dan pelajar SMK Mutiara yang mengadakan lawatan ke UMS-KAL, kelmarin.